

Media : Mingguan Wanita

Date : 22 Dec 2015



"Clean Up Our Earth Together Day 2015" Usaha sama Ajinomoto (M), UPM

Selama tujuh tahun berturut-turut, Ajinomoto (Malaysia) Berhad menganjurkan kempen gotong-royong yang dinamakan "Clean Up Our Earth Together Day 2015" untuk menjaga dan memastikan kebersihan masyarakat setempat. Sempena kempen anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bernama "Program Kesihatan Senyum Selalu Bersama Penduduk Penderas 2015", aktiviti gotong-royong ini diadakan pada 31hb Oktober 2015 di Kampung Penderas yang didiami oleh Orang Asli di Kuala Krau, Pahang. Ini merupakan kali pertama di mana aktiviti "Clean Up Our Earth Together Day 2015" diadakan di luar kawasan Lembah Klang.

Kedua-dua aktiviti ini telah berjaya menarik penglibatan yang sepenuhnya daripada 39 orang kakitangan Ajinomoto Malaysia, 41 orang pelajar UPM, dan 50 orang kanak-kanak Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan Penderas.

Dalam tempoh masa dua jam setengah, lebih daripada 60 anak benih yang terdiri daripada tiga jenis sayur-sayuran berjaya ditanam dan sebanyak 118.7 kg sampah telah dikumpulkan. En. Kōji Kaneko,

selaku Pengarah Urusan Ajinomoto (Malaysia) Berhad menyampaikan barang-barang keperluan harian sebagai sumbangan kepada kanak-kanak Orang Asli yang telah mengambil bahagian semasa Majlis Penutupan kempen gotong-royong ini. Ajinomoto (Malaysia) Berhad juga mengambil kesempatan ini memperkenalkan dan berkongsi maklumat tentang rasa asas ke-5, iaitu rasa umami kepada semua di Sekolah Kebangsaan Penderas melalui penajaan papan kenyataan yang dinamakan "Sudut Umami".

